

## **Pembangking terus buat teori songsang kelirukan rakyat**

**Utusan Online**

**20 Jun, 2012**

KUALA NERANG 19 Jun - Tan Sri Muhyiddin Yassin membidas parti pembangkang kerana sentiasa tampil dengan teori-teori songsang yang mengelirukan rakyat bagi menolak usaha baik dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Timbalan Perdana Menteri berkata, sebagai contoh, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat baru-baru ini mengatakan sesiapa mengundi Pas akan mendapat pahala tetapi sebelum ini Mursyidul Am Pas itu mendakwa sesiapa yang mengundi Pas akan masuk syurga manakala mengundi UMNO akan masuk neraka.

"Ia berubah-ubah sedangkan soal masuk syurga atau neraka serta soal pahala ditentukan Allah," katanya pada majlis Jamuan Rakyat 1Malaysia di Padang Awam Felda Lubok Merbau, dekat sini hari ini.

Timbalan Presiden UMNO itu berkata, apabila kerajaan memberi Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Pas mengeluarkan fatwa ia adalah rasuah tetapi anggota (parti) mereka tetap mengambilnya.

"Kalau rasuah janganlah terima....di Kedah (negeri yang dikuasai pembangkang), BR1M diberikan kepada 363,132 isi rumah melibatkan RM181 juta.

"Kita kalau nak beri bantuan, tak pernah tanya penyokong mana, sama ada UMNO, Pas atau DAP," katanya.

Muhyiddin berkata, Buku Jingga yang mengandungi janji-janji pembangkang jika berjaya menawan Putrajaya, kalau dilaksanakan, boleh menyebabkan negara muflis.

"Apa yang kita buat adalah transformasi, yang merupakan anjakan berganda. Kita dah buat macam-macam. Sejak dua tahun lepas, agensi-agensi dan kementerian-kementerian telah mencapai apa yang disasarkan," katanya.

Tambah beliau, kejayaan yang dicapai kerajaan sekarang disahkan oleh pakar-pakar antarabangsa yang mengatakan program transformasi di Malaysia adalah hebat.

"Jadi, rakyat tidak boleh mengharapkan kepada pembangkang kerana pembangkang hanya berjanji tetapi kerajaan BN telah membuktikan apa yang dijanjikan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0620&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0620&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm)